



## Sejarah Penubuhan PPUMS

Persatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik) atau lebih dikenali sebagai PPUMS merupakan sebuah persatuan yang mewakili semua pegawai dalam kategori profesional (bukan perkhidmatan pengurusan dan akademik) di Universiti Malaysia Sabah. Usaha penubuhan suatu badan yang menggabungkan semua Pegawai Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik) di UMS telah diilhamkan oleh Mej. (K) Datuk Abdullah Hj. Mohd Said yang pada waktu itu memegang jawatan sebagai Timbalan Pendaftar. PPUMS yang telah berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan (ROS) telah bermula pada 30 September 2004 apabila mesyuarat Jawatankuasa PROTEM PPUMS yang telah dipengerusikan Oleh Dr. Ismail bin Ali bagi membincangkan deraf perlembagaan dan juga urusan berkaitan dengan pendaftaran di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Negeri Sabah. Ahli –ahli jawatankuasa protem terdiri daripada:

1. **Dr. Ismail Ali** - Presiden
2. **En. Noman Hj. Ahmad** - Timbalan Presiden
3. **En. Darwis Awang** - Setiausaha Agung
4. **En. Firdaus Abdullah** - Pen. Setiausaha Agung
5. **En. Ismail Abd. Jalil** - Bendahari

Ahli-ahli jawatankuasa PROTEM ini telah bekerja keras bagi memastikan sebuah persatuan yang mewakili suara semua pegawai perkhidmatan pentadbiran dapat direalisasikan penubuhannya. Hasrat ini telah tercapai apabila Pendaftar Pertubuhan Malaysia telah meluluskan pendaftaran, Persatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional Bukan Akademik Universiti Malaysia Sabah (PPUMS) dibawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966 pada 30 Mac 2005.

Persatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional Bukan Akademik Universiti Malaysia Sabah (PPUMS) telah mengadakan mesyuarat agung yang pertama pada 25 Jun 2005 bertempat di Galeri Aras 3 Bangunan Canselor dan telah berjaya mendaftarkan seramai 51 orang ahli. Ahli jawatankuasa Eksekutif yang baru telah dibentuk dan En. Noman Datuk Hj. Ahmad telah diberi kepercayaan oleh ahli PPUMS untuk menerajui persatuan ini bersama-sama dengan 14 orang ahli jawatankuasa. Bagi mengenang jasa dan khidmat bakti Dr. Ismail Ali sebagai Presiden PROTEM PPUMS, mesyuarat telah bersetuju agar beliau dilantik sebagai Ahli Seumur Hidup PPUMS memandangkan beliau telah bertukar perkhidmatan kepada pensyarah di Sekolah Sains Sosial UMS.

### MATLAMAT PENUBUHAN PPUMS

- Meningkatkan tahap profesionalisma ahli untuk pembangunan diri dan kerjaya.
- Mencapai persefahaman, kerjasama, dan kesejahteraan di kalangan ahli menerusi kegiatan-kegiatan Persatuan.
- Memupuk semangat patriotik cintakan Universiti Malaysia Sabah dan negara melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan.
- Menyumbang idea kepada pembangunan Universiti Malaysia Sabah khususnya dan negara amnya.
- Menyediakan saluran untuk ahli-ahlinya melibatkan diri dan bekerjasama dengan mana-mana badan atau pertubuhan berdaftar yang mempunyai tujuan yang sama.
- Menjaga hal-hal kebijakan ahli.

